**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Tolong Bina Pagar | 27 |
| **Berita Harian** | |
| - Sedia Garis Panduan ELak Kejadian Berulang :TPM | 8 |
| **Sinar Harian** | |
| - Gas Helium jika dicampur berbahaya, kata Wan Azizah | 4 |
| **The Star** | |
| - ` Dump old mentality, too` | 2 |
| - E-Hailing drivers left baffled | |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**14 OKTOBER 2019 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Tolong Bina Pagar |
| Muka Surat | 27 |

# Tolong bina pagar

hm 14/10/19 ms 27

## *Arahan TPM kepada TNB elak penempatan setinggan baharu*

**Oleh Mohd Husni Mohd Noor**
mhusni@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengarahkan Tenaga Nasional Bhd (TNB) supaya memagar tapak kawasan penempatan setinggan di Pandan Jaya bagi mengelak penempatan baharu dibina.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Serahan Kunci Rumah kepada mangsa kebakaran setinggan di Kawasan Indian Settlement di Pandan Jaya, di sini, semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, tindakan memagar itu penting bagi mengelak masalah kebakaran berulang di kawasan penempatan setinggan terbabit.

"Saya mengarahkan TNB supaya memagar terus kawasan terbabit supaya tidak wujud lagi pembinaan rumah setinggan yang baru kerana membahayakan keselamatan penduduk.

"Insya-Allah TNB akan melakukannya dengan segera sebaik sahaja mangsa kebakaran berpindah ke rumah transit masing-masing," katanya.

Terdahulu, Dr Wan Azizah menyampaikan surat tawaran rumah transit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada 24 mangsa kebakaran di kawasan setinggan itu.




DR Wan Azizah bersama mangsa kebakaran yang menerima surat tawaran rumah transit.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>14 OKTOBER 2019 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Sedia Garis Panduan ELak Kejadian Berulang :TPM |
| Muka Surat | 8 |

*Insiden letupan belon*

# Sedia garis panduan elak kejadian berulang: TPM

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tidak menolak kemungkinan insiden belon meletup dalam majlis yang mencederakan beberapa orang kelmarin, berpunca daripada penggunaan gas, selain helium.

Timbalan Perdana Menteri berkata, andaian itu dibuat atas perkiraan helium bukan gas yang mudah terbakar.

"Saya ada berbincang dengan Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan semalam (kelmarin) untuk melihat sama ada insiden ini perlu diwujudkan garis panduan.

"Setahu saya, jika gunakan gas helium tiada apa (letupan) akan berlaku. Tapi jika dicampur (gas lain) untuk mengurangkan kos, itu menyebabkan masalah.

"Kalau kita tahu ada penggunaan gas mudah terbakar, janganlah gunakan apa-apa api seperti pemetik api, vape atau rokok," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis serahan kunci rumah kepada mangsa kebakaran setinggan Pandan Jaya di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada wujud keperluan merangka garis panduan tertentu bagi mengelakkan insiden belon meletup itu tidak berulang pada masa depan.

Laporan *BH* kelmarin memetik kenyataan pensyarah Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Yap Wing Fen, yang antara lain menjelaskan, penggunaan helium sepenuhnya dalam belon lebih selamat dan tidak mudah terbakar.

Helium berada di Kumpulan 18 (gas adi) dalam jadual berkala dan unsur dalam kumpulan ini tidak bertindak balas dengan sebarang unsur lain, melainkan berada dalam suhu dan tekanan sangat tinggi.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, seorang kaunselor daripada pasukan sokongan psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi kaunseling trauma kepada mangsa.



***Dr Wan Azizah pada majlis serahan kunci rumah*** *kepada mangsa kebakaran setinggan Pandan Jaya, Kuala Lumpur, semalam.*

(Foto Hafiz Sohaimi/BH)

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>14 OKTOBER 2019 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Gas Helium jika dicampur berbahaya, kata Wan Azizah |
| Muka Surat | 4 |

# Gas helium jika dicampur berbahaya, kata Wan Azizah

SH 14/10/19 ms 6

**KUALA LUMPUR** - Insiden belon meletup di Dataran Putrajaya kelmarin berkemungkinan berpunca daripada gas helium yang dicampur bagi menjimatkan kos, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, sekiranya bahan tersebut dicampur, sebarang kemungkinan boleh berlaku sehingga mengundang bahaya.

"Kalau gas helium sahaja tidak membimbangkan kerana setahu saya kalau tidak ada campuran tidak ada masalah.

"Tetapi kalau gas itu (helium) dicampur sebab untuk jimatkan kos, itu kita risau," katanya selepas majlis penyampaian Surat Tawaran Rumah Transit Program Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.



Dr Wan Azizah bergambar bersama penerima-penerima kunci Program Perumahan Rakyat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Kuala Lumpur semalam.

Insiden belon meletup dipercayai berisi gas helium selepas selesai Program Kecergasan Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan 2019 di Dataran Putrajaya kelmarin menyebabkan 16 orang termasuk sembilan kanak-kanak dan tujuh dewasa melecur.

Kejadian tersebut dipercayai berpunca daripada tindakan pengunjung berebut memotong tali yang mengikat tiga gugusan belon menggunakan pemetik api.

Bagi mengelak insiden sama berulang, Dr Wan Azizah mengingatkan orang ramai agar tidak merokok dan menggunakan pemetik api secara sengaja atau tidak ketika berada berdekatan belon helium yang menjadi 'prop' pada sebarang majlis.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, sehingga kini empat pesakit stabil dan akan dibenarkan keluar wad selepas menjalani pemeriksaan rapi daripada doktor.

"Mereka adalah tiga dewasa dan seorang kanak-kanak. Pesakit stabil namun masih perlukan rawatan lanjut kerana luka," katanya.

Susulan insiden itu beliau berkata, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan bantuan kaunseling segera kepada mangsa terlibat yang trauma.

Dr Wan Azizah berkata, beliau telah berbincang dengan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan Timbalannya, Teo Nie Ching berhubung garis panduan keselamatan bagi mengelak insiden itu berulang pada masa hadapan. - *Bernama*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>14 OKTOBER 2019 (ISNIN) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | ` Dump old mentality, too` |
| Muka Surat | 2 |





MPK will provide 120-litre rubbish bins such as these provided to residents by Petaling Jaya City Council. (Right) MPK hopes that with the new ruling, rubbish will not be dumped indiscriminately outside business premises. — Photos: S.S. KANESAN/The Star

TH 14/10/19 ms 2

# 'Dump old mentality, too'

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

## Ruling on 120-litre rubbish bins cannot work if Klang business operators do not cooperate, say residents

NEXT year, all business premises in Klang must be equipped with a 120-litre rubbish bin or risk having their operating licence revoked or their application rejected by the Klang Municipal Council (MPK).

This is the council's way of clamping down on errant operators who contribute towards illegal dumping of rubbish.

It is also MPK's move towards having a more systematic rubbish collection in the municipality.

Over the years, the royal town has been plagued with illegal rubbish dumping problems, because irresponsible people threw rubbish by the roadside, back lanes and into drains.

Construction and domestic waste can often be seen on road kerbs and empty plots of land as well as playgrounds and open spaces.

Restaurant owner Ang Chin Teong, who runs restaurants in Bukit Tinggi and Port Klang, supported the ruling.

He added that stray animals could often be seen scavenging through rubbish for food, especially in areas that has food outlets.

"This will also stop stray animals from scavenging through the rubbish and help keep the commercial areas cleaner," said Ang, who has placed large rubbish bins of his own outside his two eateries.

Another restaurant owner operating in Jalan Tengku Kelana T. Muthusamy said having proper rubbish bins was important to encourage people to dispose of waste responsibly.

"A majority of shops in my area already have rubbish bins and the area is a lot cleaner as compared to a few years ago," he said, adding that people must change their attitude and stop littering.

"There can be 100 rubbish bins placed outside shops, but if people's mentality does not change, Klang will still be dirty," he said.

He lauded the cleaning contractors for working tirelessly to keep Jalan Tengku Kelana clean and rubbish-free.

Resident Mohamed Hussain Mohd Maideen said he noticed the lack of rubbish bins in commercial areas around Klang.

"We often see piles of black rubbish bags on the ground outside the shops.

"Commercial areas in Taman Sri Andalas, Sentosa and near MPK are lacking proper rubbish bins.

"I have also seen people dumping the black bins into the drains," he said.

He urged MPK to provide rubbish bins to all houses and commercial lots to standardise rubbish disposal and prevent illegal dumping.

"MPK should look into providing leach bins at hotspots to tackle illegal rubbish dumping," he said.

In Petaling Jaya, he said, each house is given a rubbish bin by Petaling Jaya City Council (MBPJ) to keep the city clean.

Taman Klang Jaya Residents Association chairman S. Tilaka said market traders should also be provided with rubbish bins.

"They need to have their own bins to throw rubbish in a responsible manner.

"In my neighbourhood, the market is operated by many foreigners and rubbish is a huge problem here," she said, adding that a permanent solution was needed to tackle this problem and urged MPK enforcement officers to carry out their duties more diligently.

Sentosa assemblyman G. Gunaraj was glad MPK was taking a tougher approach regarding rubbish disposal at shops and restaurants.

"Most shops in Klang are not equipped with rubbish bins and the rubbish ends up on the road.

"The owners are at risk of getting slapped with a RM1,000 compound.

"With rubbish bins, it will be easier to monitor if rubbish contractors are doing their jobs as per schedule.

"If the bins are still full, then we can call the contractors, but if littering continues then we know it is not their fault," he said.

MPK corporate communications director Norfiza Mahfiz said all business premises were notified about the new ruling.

"We have issued notices to business owners about the regulations for next year's licence renewals and they all must have a rubbish bin to get it approved," she said.

Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) Waste Management Sdn Bhd managing director Ramli Mohd Tahir lauded the move as it would keep the area cleaner.

"Traders nowadays simply throw their waste by the roadside and it looks very dirty.

"The bins will make it easier for us to collect rubbish," he said.

KDEB Waste Management took over rubbish collection and cleaning operations in the state since July 2016.






People still litter despite the presence of leach bins in the Bukit Tinggi 1 commercial area in Klang. (Right) Ang has always kept his own large black bin outside his restaurants.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>14 OKTOBER 2019 (ISNIN) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | E-Hailing drivers left baffled |
| Muka Surat | 2 |

# E-hailing drivers left baffled

## Many confused over contradicting messages by ministry and APAD

THE STAR 14/10/19 ms 2

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** E-hailing drivers are baffled over what they say are discrepancies in the statements issued by the Transport Ministry and the Land Public Transport Agency (APAD).

This came about after Transport Minister Anthony Loke said on Wednesday that drivers who passed the Passenger Service Vehicle (PSV) examination but still awaiting the licence would be allowed to be on the road.

He also said that e-hailing drivers need not have a printout of the e-hailing vehicle permit (EVP), which is already electronically stored in the driver's app.

However, Malaysia E-hailing Drivers Association president Daryl Chong said APAD had conveyed a different message.

"We have reconfirmed with APAD's Taxi and E-hailing Unit, which told us that only drivers with both PSV and EVP are allowed on the road legally from Oct 12," he said.

Oct 12 was the deadline set by the government for drivers to comply with all e-hailing regulations. They are required to have the PSV licence, passenger insurance, e-hailing sticker and EVP from APAD.

"Enforcement agencies will act based on laws. So the drivers are confused. Who should we listen to? The minister or the enforcement agencies?" he asked.

Road Transport Department (JPJ) Enforcement Division director Khairul Anuar Bachok said on Thursday that JPJ would take firm action against drivers who did not meet the criteria.

Then on Saturday, Loke said the ministry was taking a gradual approach in the enforcement.

He said drivers would be given leeway as long as they had registered for the PSV examination or were taking steps to fulfil the requirements.

He also assured drivers not to worry about the authorities mounting a crackdown against them.

Chong said drivers were in a quandary over such different statements.

"We can only advise our members to drive at their own risk now until they get their EVP," he said, adding that APAD should "buck up and act fast" in issuing the EVP to drivers.

Following the confusion, Chong said there were fewer e-hailing drivers on the road, which led to longer waiting time and higher fares for passengers especially during peak hours.

MCA Civil Society Coordination Bureau chief Ng Kian Nam, who is assisting a group of drivers, also called on Loke to clear the air.

"Why is the minister and his agencies giving out contradicting statements? One says they will be lenient while another insisted on strict enforcement," he said.

When contacted, a Grab spokesman said many of its drivers had come forward to do their due diligence since Saturday.

"They came to check on their status and if they were good to go.

"There were also drivers who came to update their insurance details into the system in order to allow them to ferry passengers," he said, adding that at least 41% of its estimated 150,000 drivers have obtained the PSV licence and EVP.

Another 24% are awaiting either for the examination results or a slot to sit for the test while 22% decided to quit altogether.



**Delicate operation**
Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (right) with Ampang Jaya Municipal Council president Datuk Abdul Hamid Hussain taking part in a telematch during the National Sports Month – Hulu Langat district celebration at Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya in Pandan Indah, Ampang.